Sepertimana Berkuatkuasa
Pada Ogos. 2003

# UNDANG - UNDANG SYARIAH

(Bahagian 1)

(i) Nafkah Orang Islam
(ii) Hadhanah

---

Kempen Pengantaraan Dan Kesedaran Undang-Undang

A Public Service Initiative of : The Bar Council,
No. 13, 15 & 17, Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel : 03-2031 3003
Fax : 03-2026 1313, 2034 2825, 2072 5818
E-mail: council@malaysianbar.org.my
www.malaysianbar.org.my

## NAFKAH ORANG ISLAM

**Apa itu Nafkah?**
Belanja atau sara hidup kepada mereka yang wajib atas seseorang untuk membiayainya. Contoh; tempat tinggal, perubatan, pendidikan dll.

**Sebab-sebab wajibnya Nafkah?**
1. Perkahwinan
   Suami memberi nafkah kepada isteri termasuklah makan, pakai, tempat tinggal, keselamatan (nafkah zahir) dan nafkah batin.
2. Keturunan
   - Bapa memberi nakfah kepada anak.
   - Sekiranya bapa tiada, maka ibu wajib memberi nafkah kepada anaknya.
   - Bagi anak luar nikah, ibu yang wajib memberi nafkah kepada anaknya.

**Sebab- sebab Nafkah tidak diberikan**
Apabila si isteri mengingkari suruhan suami atau nusyuz seperti:-
1. Apabila isteri menjauhkan dirinya atau enggan disetubuhi oleh suaminya tanpa sebab yang munasabah;
2. Apabila isteri meninggalkan rumah suaminya tanpa sebab-sebab yang munasabah;
3. Apabila isteri enggan berpindah bersama suaminya ke suatu tempat lain.


**Macam mana nak taksir Nafkah isteri & anak?**
Bergantung kepada keupayaan dan pendapatan suami @ ayah. Tetapi Mahkamah Syariah ada budibicara untuk taksirkan di mana Mahkamah ambilkira faktor-faktor :-
1. Pendapatan dan keupayaan mencari pendapatan;
2. Keperluan isteri dan anak;
3. Umur anak;
4. Kesihatan isteri dan anak;
5. Tanggungan suami atau bapa, dll.

**Bila Nafkah tamat atau berhenti diberikan?**
1. Apabila kematian berlaku sama ada pemberi Nafkah atau penerima Nafkah;
2. Apabila isteri nusyuz;
3. Apabila tamat tempoh iddah talaq raji'e;
4. Apabila anak lelaki baligh dan pandai berdikari;
5. Apabila anak perempuan telah berkahwin;
6. Tetapi berdasarkan keadaan semasa, apabila anak-anak telah tamat pengajian dan mendapat kerja atau boleh berdikari dengan sendirinya;
7. Si pemberi Nafkah tidak mampu lagi atau hilang upaya kerana sakit yang tidak boleh diubati, dll.

**Boleh tak Nafkah diubah atau dipinda?**
**BOLEH,** bila terdapatnya perubahan dalam perbelanjaan si penerima Nafkah dan sipemberi Nafkah.

**Apakah sebab Nafkah diubah atau dipinda ?**

1. Pendapatan bulanan suami atau bapa berubah;
2. Harta yang dimiliki oleh suami atau bapa berubah menjadi sedikit atau bertambah;
3. Tanggungan dan hutang piutang suami atau bapa bertambah atau berkurangan;
4. Status perbelanjaan; dan
5. Bukti-bukti tentang keperluan - keperluan isteri dan anak.



# HADHANAH

**Apa itu Hadhanah?**
Hak penjagaan anak yang masih kecil, yang tidak boleh menguruskan dirinya sendiri selepas ibubapanya bercerai / berpisah.

**Siapa yang berhak dapat Hadhanah?**
Ibu kepada anak kecil.

**Tempoh hadhanah bagi ibu**
Hadhanah berterusan sehingga anak kecil tadi mencapai umur mumaiyiz (dapat membezakan baik dan buruk).

**Siapa yang tentukan Hadhanah?**
Mahkamah Syariah

**Bagaimana Mahkamah boleh berikan Hadhanah?**
Berdasarkan beberapa perkara:-
1. kebajikan anak;
2. kemahiran ibu/bapa dalam menjaga anak;
3. keinginan / kemahuan / kecenderungan anak untuk pilih tinggal dengan siapa sama ada ibu atau bapa;
4. kesesuaian dan kesempurnaan yang diberikan / ditunjukkan oleh ibu / bapa;
5. taraf hidup ibu / bapa - jika ibu bekerja sebagai GRO maka Mahkamah boleh batalkan Hadhanah dan berikan kepada bapa;
6. sekiranya terdapat anak lebih dari seorang, maka Mahkamah boleh berikan Hadhanah kepada si ibu sahaja atau dibahagikan kepada ibu dan bapa atau diberikan kepada bapa sahaja;
7. sekiranya Mahkamah berpendapat bahawa ibu atau bapa tidak sesuai untuk diberikan Hadhanah, maka Mahkamah boleh beri Hadhanah kepada penjaga yang lain yang mana Mahkamah fikirkan sesuai.

**Apakah syarat-syarat Hadhanah?**
1. keadaan tempat tinggal dan pendidikan;
2. meletakkan anak di bawah kawalan / jagaan orang lain sebelum Hadhanah diberikan kepada orang yang layak;
3. tempoh masa melawat yang diberikan terhadap ibu atau bapa yang tidak diberikan Hadhanah, mestilah munasabah;
4. Mahkamah akan tentukan masa dan berapa kerap kepada ibu atau bapa yang tidak diberikan Hadhanah untuk berjumpa anak tersebut.

**Syarat-syarat yang membolehkan Hadhanah diberikan**
1. Islam;
2. baligh / sempurna akal;
3. umur yang melayakkan ia memberi anak dibawah jagaan itu kasih sayang dan pendidikan yang sempurna;
4. kelakuan baik dari segi akhlak Islamiah;
5. tempat tinggal yang selamat - bebas dari unsur-unsur atau pengaruh tidak baik yang boleh merosakkan akhlak Islamiah anak tersebut.

**Apakah sebabnya Hadhanah kepada ibu terbatal / gugur?**
1. jika ibu berkahwin dengan lelaki lain yang bukan muhrim dengan anak;
2. jika ibu berkelakuan buruk secara keterlaluan dan terbuka;
3. jika ibu menukar pemastautinannya dengan tujuan untuk mencegah bapa melawat anak kecuali ibu membawa anak ke tempat lahir ibu;
4. ibu murtad / keluar agama Ialam;
5. ibu cuai atau menganayai anak dalam jagaannya.

**Siapa yang bertanggungjawab bayar upah penjagaan anak?**
**BAPA,** kerana walaupun bapa dan ibu telah bercerai, hubungan antara bapa dan anak tidak terputus dan masih berterusan. Bapa bertanggungjawab untuk memberi Nafkah kepada anak walaupun ibu jaga.
Oleh itu, upah penjagaan anak adalah merupakan sebahagian daripada Nafkah.

**Bila anak boleh tentukan penjaganya?**
Apabila anak mencapai umur mumaiyiz (boleh bezakan antara baik dan buruk)
Umur mumaiyiz bagi:-
1. anak lelaki - 7 tahun
2. anak perempuan - 9 tahun

**Apa itu hak Penjagaan Sementara?**
Penjagaan yang diperintahkan oleh Mahkamah sebelum keputusan siapa yang berhak mendapat Hadhanah. Penjagaan ini diberikan kepada sama ada ibu, bapa atau orang lain yang mempunya pertalian dengan si anak.

**Siapa dapat Hadhanah ke atas anak tak sah taraf?**
Anak tak sah taraf ialah anak yang lahir tanpa ikatan perkahwinan yang sah di antara ibu dan bapanya.

Kebiasaannya, ibu kepada anak tersebut secara automatiknya mendapat Hadhanah.
Melainkan, jika bapa kepada anak itu mahukan Hadhanah, maka Mahkamah akan tentukannya.

**Siapa yang akan berhak dapat Hadhanah selain daripada ibu ?**
Mengikut keutamaan:-
1. nenek sebelah ibu hingga ke atas peringkatnya;
2. bapa;
3. nenek sebelah bapa hingga ke atas peringkatnya;
4. kakak atau adik perempuan yang seibu sebapa;
5. kakak atau adik perempuan yang seibu
6. kakak atau adik perempuan yang sebapa;
7. anak perempuan dari kakak atau adik perempuan yang seibu sebapa;
8. anak perempuan dari kakak atau adik perempuan yang seibu;
9. anak perempuan dari kakak atau adik perempuan yang sebapa;
10. emak saudara sebelah ibu;
11. emak saudara sebelah bapa;
12. waris lelaki yang boleh menjadi warisnya sebagai asabah atau residuary.

A Public Service Initiative of : The Bar Council,
No. 13, 15 & 17, Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel : 03-2031 3003
Fax : 03-2026 1313, 2034 2825, 2072 5818
E-mail: council@malaysianbar.org.my
www.malaysianbar.org.my